

CABARAN MEREALISASIKAN KEINGINAN KEUSAHAWANAN TERHADAP PEMILIHAN KERJAYA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI

CHALLENGES OF ENTREPRENEURSHIP DESIRE TO THE ENTREPRENEURSHIP CAREER CHOICE AMONG COMMUNITY COLLEGE STUDENTS

Wardati Najihah Adaham¹
Nor Aishah Buang²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (wardah_adaham@yahoo.com.my)

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (norais@ukm.edu.my)

Accepted date: 21-10-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Adaham, W. N., & Buang, N. A. (2018). Cabaran Merealisasikan Keinginan Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(21), 31-39.

Abstrak: Umum mengetahui bahawa keinginan keusahawanan merupakan antara faktor yang mendorong ke arah kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan. Kolej komuniti adalah antara institusi kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan modul keusahawanan di peringkat kebangsaan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan di Malaysia. Namun, statistik dan kajian lepas tidak menunjukkan angka yang memberangsangkan. Kertas konsep ini akan membincangkan cabaran merealisasikan keinginan keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Walaupun keinginan keusahawanan adalah merupakan faktor yang kuat dalam kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan, namun masih terdapat faktor lain yang menjadi kekangan dan cabaran dalam merealisasikan keinginan tersebut. Antaranya ialah kurangnya keberhasilan keusahawanan dari sudut penglibatan belia yang akibatnya memudahkan keinginan keusahawanan itu sendiri, kurangnya kajian mengenai peranan kolej komuniti sebagai pemimpin keusahawanan yang seakan meminggirkan fungsi sebenarnya sebagai pemimpin keusahawanan dan ketidakpastian faktor penarik ke arah penglibatan belia di dalam bidang keusahawanan. adalah dicadangkan agar lebih kajian dilakukan terhadap punca keberhasilan keusahawanan yang rendah dan fokus kajian harus diberikan terhadap peranan pemimpin keusahawanan kolej komuniti. Adalah sangat penting bagi kita untuk melihat secara tuntas mengenai kekangan dan cabaran yang menghalang keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti untuk memilih kerjaya keusahawanan setelah tamat graduasi kelak. Ini adalah sebagai langkah agar memastikan aspirasi keusahawanan yang dihasratkan oleh kerajaan kita menjadi kenyataan.

Kata Kunci: Keinginan Keusahawanan, Aspirasi Keusahawanan, Cabaran, Pemilihan Kerjaya Keusahawanan, Kolej Komuniti.

***Abstract:** Generally knowing that entrepreneurial desires are one of the factors that drive towards the tendency of entrepreneurship career choice. Community colleges are among government institutions responsible for implementing entrepreneurial modules at the national level in order to create more entrepreneurs in Malaysia. However, statistics and past studies do not show a tremendous figure. This concept paper will discuss the challenge of realizing entrepreneurial desires for the selection of entrepreneurship careers among community college students. Although entrepreneurial desires are a strong factor in the tendency of entrepreneurship career choice, there are still other factors that become constraints and challenges in realizing the desire. Among them is the lack of entrepreneurial success from the point of youth engagement which consequently diminishes the entrepreneurial desire itself, lack of research on the role of community college as an entrepreneurial leader who seems to ignore the real function as an entrepreneurial leader and the uncertainty of the attraction factor towards the involvement of youth in the field of entrepreneurship. It is proposed that more studies be conducted on the causes of low entrepreneurship success and the focus of the study should be on the role of community college entrepreneurial roles. It is imperative for us to look closely at the constraints and challenges that hinder entrepreneurial desires among community college students to choose entrepreneurship career after graduation. This is a step in ensuring the aspiration of entrepreneurship that our government desires to come true.*

Keywords: Entrepreneurial Desire, Entrepreneurship Aspiration, Challenge, Entrepreneurship Career Choice, Kolej Komuniti.

Pengenalan

Keusahawanan merupakan salah satu bidang yang menjadi agenda pembangunan negara. Bukan sahaja mampu mengurangkan kadar pengangguran, ia juga dilihat sebagai bidang yang dapat meningkatkan ekonomi negara, daya saing negara, pendapatan individu, mengatasi masalah kemiskinan bahkan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baharu, serta meningkatkan kualiti kehidupan (Ravi 2015). Bertepatan dengan agenda pembangunan negara, pihak kerajaan telah menubuhkan Pusat Keusahawanan Kolej Komuniti (PUSKOM) di peringkat Jabatan Pengajian Kolej Komuniti dan E-Tech Centre di semua Kolej Komuniti seluruh Malaysia bertujuan untuk melahirkan graduan yang boleh menjadi usahawan kecil (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). Buku Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti 2013-2015 pula melaporkan sebanyak 12 buah Kolej Komuniti Rintis telah mula beroperasi pada tahun 2001 dengan memberi penekanan kepada bidang keusahawanan (Zainab 2012). Statistik Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (2017) pula menyenaraikan 94 buah kolej komuniti yang telah beroperasi di seluruh negara. Hingga kini, kolej komuniti di seluruh Malaysia telah memberi latihan menerusi latihan kursus jangka pendek kepada lebih dari 1.03 juta rakyat Malaysia (Husin 2013).

Kolej Komuniti merupakan satu sistem Institusi Pendidikan Tinggi di bawah pengurusan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Visi kolej komuniti ialah untuk 'Menjadi Peneraju Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional' serta 'Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat Menjelang 2025'. Manakala misi kolej komuniti pula ialah Membangun Komuniti Setempat Sebagai Tenaga Kerja Berpengetahuan Dan Terlatih Untuk Memenuhi Tuntutan Dunia Pekerjaan Melalui Pendidikan Dan Latihan

Teknikal & Vokasional Dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Kolej komuniti juga mempunyai objektifnya iaitu menyediakan pendidikan yang berkualiti, berteknologi tinggi dan holistik (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2017).

Bidang kursus yang ditawarkan di kolej komuniti ialah seperti Sijil Agroteknologi, Sijil Animasi 3D, Sijil Fesyen dan pakaian, Sijil Kulinari, Sijil Multimedia Kreatif dan Pengiklanan, Sijil Pastri dan Sijil Pengoperasian Perniagaan termasuk Sijil Perakaunan (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2017). Manakala Kursus Jangka Pendek yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti sebagai memenuhi keperluan masyarakat setempat iaitu seperti Kursus ICT, Kursus Bahasa dan Kursus Kraftangan (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2017). Semua kursus dan sijil yang ditawarkan adalah berdasarkan kepada modul keusahawanan bagi melahirkan usahawan muda dalam kalangan belia.

Namun, Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti menunjukkan semenjak tahun 2012 hingga 2015, secara purata tahap kebolehpasaran graduan selepas 6 bulan tamat pengajian adalah sebanyak 97%. Laporan ini juga menunjukkan hampir 45% memilih kerjaya yang berlainan dengan bidang pengajian mereka di kolej komuniti. Ini adalah senario yang menyedihkan kerana setelah banyak masa dan kos dikeluarkan untuk mempelajari sesuatu disiplin ilmu seperti keusahawanan tetapi bekerja dalam bidang yang lain setelah tamat pengajian (Ahmad et al. 2017).

Begitu juga dengan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara (2016) melalui Laporan Perangkaan Tenaga Buruh Mac 2016 menyatakan bahawa peratus pengangguran rakyat di Malaysia telah meningkat sejak Mac 2015 iaitu 3.0 % kepada 3.5% hingga Mac 2016 (Jabatan Perangkaan Negara 2016). Ini menunjukkan bahawa kecenderungan belia untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya alternatif adalah rendah. Persoalannya, sejauhmanakah kecenderungan pelajar kolej komuniti untuk menceburi bidang keusahawanan bagi mengurangkan peratus pengangguran di Malaysia seterusnya meningkatkan kemajuan ekonomi negara. Justeru, kertas ini akan membincangkan cabaran dalam merealisasikan keinginan keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti.

Kajian Literatur

Bahagian ini akan membincangkan dua pembolehubah yang penting iaitu keinginan keusahawanan dan pemilihan kerjaya keusahawanan.

Definisi Keinginan Keusahawanan

Keinginan Keusahawanan dapat didefinisikan sebagai niat, hasrat atau keazaman yang kuat dalam diri seseorang untuk melibatkan diri dalam keusahawanan atau memulakan perniagaan baru (Borland 1975). Krueger (1993) mengukuhkan definisi ini dengan menyatakan bahawa hasrat keusahawanan adalah mengenai komitmen untuk melaksanakan tingkah laku yang diperlukan untuk memulakan perniagaan baru. Teori keinginan telah dikembangkan daripada Teori Tingkah Laku Terancang yang menerangkan dan meramalkan tingkah laku manusia (Tkachev & Kolveroid, 1999). Kolveroid (1996) telah mengaplikasikan teori ini bagi tujuan meramal keinginan graduan jurusan perniagaan terhadap terhadap kerjaya keusahawanan.

Berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen & Fishbein 1980) terdapat tiga pembolehubah awal sebelum terbentuknya keinginan dan disusuli dengan tingkah laku. Pembolehubah tersebut ialah sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan tingkah laku kawalan tertangap. Menurut Krueger et al. (2000), teori Keinginan Keusahawanan mengandungi tiga

elemen iaitu keinginan tertanggap, kebolehlaksanaan tertanggap dan kecenderungan untuk bertindak. Instrumen awal dalam mengkaji keinginan keusahawanan telah dibangunkan oleh Krueger et al. (2000). Oleh itu, keinginan merupakan peramal terbaik terhadap tingkah laku yang telah dirancang atau yang akan dilakukan (Ajzen & Fishbein, 1980).

Ravi (2015) pula menggambarkan keinginan keusahawanan sebagai kesanggupan seseorang individu untuk menjadi seorang usahawan. Keinginan keusahawanan merujuk kepada faktor-faktor yang mendorong untuk menjadi usahawan. Dimensi keinginan terhadap keusahawanan bermaksud motivasi dan semangat untuk meneruskan perniagaan dengan keupayaan minat yang mendalam (Faradillah et al. 2015).

Keinginan keusahawanan juga merupakan sandaran utama pelajar keusahawanan yang terbukti memberi pengaruh yang besar dalam perjalanan kerjaya (Jasmi 2013). Justeru itu faktor keinginan keusahawanan perlu diberi pertimbangan dalam pemilihan program pengajian pelajar di Kolej Komuniti bagi membantu mereka lebih cemerlang dalam kerjaya keusahawanan mereka (Ahmad et al. 2017). Ini bermakna bahawa keinginan yang kuat boleh mendorong dan membakar semangat seseorang untuk menjadi usahawan.

Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

Pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang berterusan dan melibatkan perancangan yang sentiasa berubah mengikut keperluan dan situasi mendorong individu untuk menentukan pilihan kerjaya yang diingini. Ravi (2015) berpendapat bahawa pemilihan kerjaya keusahawanan merujuk kepada perancangan yang dilakukan dalam memilih kerjaya keusahawanan. Kajian Wan Nur dan Fakhrul (2015) juga menyatakan bahawa pemilihan kerjaya keusahawanan adalah keputusan yang dibuat oleh seseorang individu untuk memula dan menguruskan perniagaan sendiri yang mana ia melibatkan proses yang kompleks bergantung kepada interaksi antara manusia dengan organisasi. Manakala kecenderungan menceburi bidang keusahawanan menurut Hisrich et al. (2010) adalah faktor yang mempengaruhi individu untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Oleh itu, penyelidik mendefinisikan perancangan dan keinginan sebagai sesuatu yang menjadi pemangkin dalam pemilihan kerjaya keusahawanan.

Cabaran Merealisasikan Keinginan Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

Antara cabaran yang berpotensi menjadi halangan bagi pelajar kolej komuniti yang mempunyai keinginan keusahawanan untuk memilih kerjaya keusahawanan iaitu penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan adalah ramai tetapi tidak mendatangkan hasil seperti yang diinginkan (Baharu & Mohammed Zain 2013). Adalah dibimbangi keinginan keusahawanan yang tinggi pada peringkat awalnya akan menjadi pudar apabila melihatkan keberhasilan yang rendah.

Selain itu, kolej komuniti juga dilihat kurang berperanan sebagai pemimpin keusahawanan. Tidak banyak kajian yang dijalankan untuk mengkaji fungsi kolej komuniti sebagai sebuah pusat institusi yang berperanan membentuk minda keusahawanan pelajar meskipun diketahui bahawa kolej komuniti berupaya menjalankan fungsi sebagai pembimbing yang berkesan dalam membentuk niat keusahawanan (Baharu & Mohammed Zain 2013). Sebaliknya soroton kajian lepas banyak membincangkan dari aspek konteks impak pelaksanaan program keusahawanan berbanding peranannya sebagai pemimpin dan peneraju keusahawanan (Zairon et al. 2017). Akibatnya, umum kurang menyedari peranan yang dimainkan oleh kolej komuniti sekaligus meminggirkan fungsinya dalam membangunkan usaha pembangunan keusahawanan itu sendiri.

Ketidakpastian faktor penarik ke arah penglibatan belia dalam bidang keusahawanan juga patut diambilkira dalam melahirkan usahawan. Sejauhmana faktor motivasi, sikap dan kemahiran mampu mempengaruhi keinginan pelajar seperti pelajar kolej komuniti untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya masa hadapan mereka (Eriniwati 2014).

Cadangan Penyelesaian Terhadap Isu Merealisasikan Keinginan Keusahawanan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan


Cadangan penyelesaian terhadap cabaran yang berpotensi menjadi halangan bagi pelajar kolej komuniti yang mempunyai keinginan keusahawanan untuk memilih kerjaya keusahawanan antaranya adalah kolej komuniti haruslah kembali kepada fungsinya sebagai sebuah institusi yang membangunkan keusahawanan pelajar dan meningkatkan keberhasilan keusahawanan. Peranan ini digariskan dalam lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang memfokuskan kepada keberhasilan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Data menunjukkan bahawa antara tahun 2011 hingga 2013 sebanyak 3079 program telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 144,674 orang pelajar dan telah melahirkan 249 orang usahawan (Laporan Aktiviti PUSKOM, 2012).

Pendedahan pendidikan keusahawanan perlu diberikan kepada pelajar dalam usaha mencapai objektif melahirkan usahawan. Pendidikan keusahawanan perlu dibuat secara berterusan. Rentetan itu Pendidikan Keusahawanan telah ditawarkan seawal pelajar berada di peringkat sekolah rendah melalui penerapan budaya keusahawanan dalam mata pelajaran tertentu. Pembelajaran secara berterusan ini perlu dilakukan kerana ia didapati berupaya menimbulkan minat seseorang terhadap bidang keusahawanan (Norita et al. 2010).

Selain daripada pembelajaran secara teori, mempunyai pengalaman juga amat penting dalam pembelajaran keusahawanan. Ia akan memudahkan seseorang mengharungi cabaran yang bakal dihadapi. Oleh itu, persekitaran perniagaan sebenar bagi memberi pengalaman kepada pelajar adalah perlu (Beranek 2015). Melalui kaedah ini, pelajar akan mengalami sendiri kehidupan sebagai seorang usahawan dan pengalaman ini mampu menarik minat mereka untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya (Armanurah et al. 2014). Menurut Armanurah dan rakan-rakan lagi, wujud hubungan korelasi yang positif antara pelajar yang aktif dalam aktiviti keusahawanan dengan keinginan untuk memilih kerjaya keusahawanan berbanding mereka yang tidak ada pengalaman dengan sebarang aktiviti keusahawanan (Noorkartina et al. 2015). Dapatan ini selari dengan kenyataan Norasmah et al. (2012) apabila mereka juga melaporkan bahawa kaedah berkesan dalam menyampaikan pendidikan keusahawanan atau memupuk budaya atau niat keusahawanan dalam kalangan pelajar adalah pembelajaran melalui pengalaman.

Pihak tertentu juga dicadangkan agar kembali memberi fokus kepada fungsi penubuhan kolej komuniti, iaitu sebagai pembimbing keusahawanan. Peranan pembimbing dalam keusahawanan adalah sebagai "penunjuk arah" yang menjadi rujukan para usahawan selain membantu usahawan baru mencapai matlamat dalam perniagaan mereka. Pembimbing biasanya terdiri dari individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam sesuatu bidang serta memiliki ilmu yang relevan (Sanyal 2017). Penekanan kemahiran keusahawanan di kolej komuniti dilaksanakan selari dengan Pelan Pengukuhan Keusahawanan JPKK. Antara inisiatif yang digariskan dalam pelan ini adalah menjadikan kolej komuniti sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan pembangunan keusahawanan melalui pelaksanaan aktiviti latihan, khidmat perundingan, khidmat nasihat, penyelidikan dan pembangunan, bimbingan, jaringan dan pengembangan (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2010). Sehubungan itu, kajian secara mendalam perlu dilaksanakan di peringkat kolej komuniti untuk

meneliti fungsi kolej komuniti sebagai pembimbing keusahawanan supaya keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti dapat ditingkatkan ataupun dicapai.



Rajah 1: Model Sosialisasi Usahawan


Sumber: Adaptasi Starr & Fondas (1992), Jacobs & Fuller (1973)

Model yang biasa digunakan dalam menerangkan peranan pembimbing dalam membantu usahawan adalah Model Keusahawanan Sosialisasi yang dibangunkan oleh Starr dan Fondas (1992). Model ini menggunakan teori-teori sosialisasi organisasi untuk menjelaskan agen-agen yang dapat membantu individu yang mempunyai niat atau keinginan untuk menjadi seorang usahawan. Menurut Jacobs dan Fuller (1973), empat agen sosialisasi yang utama ialah ahli keluarga, rakan sebaya, media massa dan persekitaran pendidikan. Ini menunjukkan proses sosialisasi mempunyai perkaitan rapat dengan proses pendidikan iaitu satu proses untuk memperkembangkan potensi individu yang dilakukan secara formal dan bukan formal. Tenaga pengajar berperanan sebagai pembimbing keusahawanan dan berfungsi untuk mengenali serta mengembangkan personaliti dan membentuk pola perilaku pelajarnya menjadi seorang usahawan di peringkat kolej komuniti. Begitu juga agen sosialisasi keusahawanan rakan sebaya, persatuan yang diceburi dan persekitaran. Selain itu, pembimbing keusahawanan menyediakan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bagi memastikan niat keusahawanan seseorang individu itu dapat direalisasikan kepada pembentukan perniagaan yang berjaya. Kajian lepas juga ada menunjukkan bahawa bimbingan merupakan antara faktor penting dalam mempengaruhi prestasi perniagaan seseorang usahawan (Vidal-Salazar et al. 2012).

Bagi melahirkan seorang usahawan, penting untuk disedari bahawa usahawan muncul bukan sahaja kerana memiliki ciri-ciri personaliti semula jadi tetapi juga dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain seperti kemahiran, pengaruh ahli keluarga dan pengalaman (Ab. Aziz 2015). Malah, pemilihan kerjaya keusahawanan banyak dipengaruhi oleh motivasi, kreativiti dan inovasi, keyakinan diri, lokus kawalan dalam dan kesediaan menghadapi risiko (Rosli 2013).

Dalam konteks kajian ini, teori tingkah laku terancang (*Planned-Behaviour Theory*) Azjen (1991) telah dijadikan sebagai teori teras memandangkan kajian ini dijalankan berkaitan dengan tingkah laku manusia ke arah memilih kerjaya keusahawanan. Ini adalah kerana tingkah laku tersebut merupakan sebahagian daripada teori proses pembentukan tingkah laku manusia. Mengikut teori ini, pembentukan tingkah laku manusia ditentukan oleh tahap keinginan mereka dan perubahan terhadap tingkah laku untuk melakukan suatu tindakan tertentu terhadap objek sasaran bergantung kepada situasi dan masa tertentu. Beberapa elemen terlibat dalam proses keinginan tersebut ke arah mempamerkan sesuatu bentuk tingkah laku, iaitu sasaran di mana

tingkah laku akan digerakkan; situasi bila mana tingkah laku akan digerakkan; dan masa serta tingkah laku yang diinginkan dipersembahkan atau dipertontonkan (Fishbein & Azjen 1975).



Rajah 2: Kerangka Konseptual Kajian

Sumber : Ubahsuai Daripada Teori Tingkah Laku Terancang Yang Diutarakan Oleh Ajzen (1991), Mohd Shahzuan (2015), Suhaila Et Al. (2014) Hisrich Et Al. (2008), Eriniwati Aliza (2014) Dan Ravi Nagarathanam (2015).

Sehubungan itu, satu kerangka konseptual kajian telah dibina atas justifikasi-justifikasi di atas. Kerangka ini dibentuk berdasarkan konsep Teori Tingkah Laku Terancang di mana ia mengaitkan antara keinginan keusahawanan dengan pemilihan kerjaya keusahawanan. Menurut teori tersebut, tingkah laku seseorang boleh meramal perbuatan mereka. Begitu juga dengan andaian di sini bahawa jika wujud keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar maka kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan juga akan ada. Ini adalah kerana keinginan keusahawanan adalah sesuatu yang bukan dilahirkan tetapi diperolehi daripada pengalaman lepas yang dipelajari dan berkecenderungan untuk membawa suatu perlakuan di masa hadapan (Fishbein & Ajzen 1975). Semakin suka sikap individu tersebut terhadap sesuatu objek maka semakin besar kemungkinan individu tersebut bertindak terhadap sesuatu perlakuan. Begitu juga jika keadaan sebaliknya berlaku. Oleh demikian, keinginan keusahawanan boleh dikatakan sebagai suatu penilai kerana ia membayangkan perasaan seseorang individu sama ada suka atau benci terhadap sesuatu objek atau keadaan yang akhirnya akan memberi kesan kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan (Baharu & Mohammed Zain 2013).

Adalah diharapkan kajian yang akan dijalankan di masa hadapan akan menggunakan pembolehubah seperti ini dalam mengenalpasti hubungan di antara keinginan keusahawanan dan pemilihan kerjaya keusahawanan agar hasrat untuk merealisasikan keinginan keusahawanan tersebut menjadi kenyataan.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa walaupun keinginan keusahawanan adalah merupakan faktor yang kuat dalam kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan, namun masih terdapat faktor lain yang menjadi kekangan dan cabaran dalam merealisasikan keinginan tersebut. Antaranya ialah kurangnya keberhasilan keusahawanan dari sudut penglibatan belia yang akibatnya memudarkan keinginan keusahawanan itu sendiri, kurangnya kajian mengenai peranan kolej komuniti sebagai pemimpin keusahawanan yang seakan meminggirkan fungsi sebenarnya sebagai pemimpin keusahawanan dan ketidakpastian faktor penarik ke arah penglibatan belia di dalam bidang keusahawanan.

Oleh itu, adalah dicadangkan agar lebih kajian dilakukan terhadap punca keberhasilan keusahawanan yang rendah dan fokus kajian harus diberikan terhadap peranan pemimpin keusahawanan kolej komuniti. Ini bagi membangkitkan semangat dan kesedaran kepada pelajar khususnya dan warga kolej komuniti amnya tentang kepentingan menceburi bidang keusahawanan setelah bergraduasi.

Rujukan

- Ahmad Rosli Mohd Nor, Mohd Ridhuan Muhamad & Muhammad Fazli Jasli (2017). Pengaruh pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Dalam Kebolehpasaran Lulusan Sijil Pemasangan Elektrik Kolej Komuniti. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Learning*, Vol.1, No.1, 2017 eISSN 2600-7738. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/PKKJLLL/article/view/2446>
- Ahmad Rosli Mohd Nor, Sahalani Bin Basar & Zuraidi Bin Md Tahir. (2017). Meneroka Faktor Kritikal Kejayaan Lulusan Kolej Komuniti Melaka Yang Berpendapatan Tinggi. Kolej Komuniti Masjid Tanah.
- Ajzen, I & Fishbein, M. (1980). Understanding Attitude and Predicting Social Behavior. Englewood Cliffs, NJ: Prentive Hall.
- Armanurah, M., Nor Aishah, B., & Muhammad, H. (2014). Memformulasikan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Ke Arah Kerjaya Usahawan. *In Prosiding Perkem ke-9* (pp. 433–441).
- Baharu Kemat Al-Haj & Mohammed Zain Yusof (2013). Sikap Keusahawanan dan Hasrat Keusahawanan: Satu Penilaian Instrumen dalam Mengkaji Kecenderungan Keusahawanan. *Jurnal Personalia Pelajar 15* (2013): 61-69
- Beránek, L. (2015). The Attitude of The College Students to Entrepreneurial Skills Development in The Subject E-Commerce. *Informatics in Education*, 14(1), 1–12. <http://doi.org/10.15388/infedu.2015.01>
- Buletin PUSKOM. Bil 1. (2012). Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. Kementerian Pengajian Tinggi
- Borland, C. (1975). Locus of Control, Need for Achievement and Entrepreneurship. PhD. Dissertation. University of Texas at Austin
- Eriniwati Aliza Binti Miat. (2014). Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional Ke Arah Bidang Keusahawanan. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Faradillah Iqmar Omar, Samsudin A. Rahim & Ali Salman. (2015). Penyertaan Digital Dan Ciri Keusahawanan Dalam Pemerkasaan Usahawan Wanita Di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 31(1) 2015: 241-256*. http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2015/V31_1_13.pdf
- Hisrich, R. D., Peters, M. P., & Shepherd, D. A. (2010). *Entrepreneurship* (8th ed.). New York: Mc Graw Hill Irwin.
- Husin. (2013). Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) My3L Peringkat Zon Selatan. Media: Teks Ucapan Majlis Perasmian Penutup dari Majalah Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) My3L Peringkat Zon Selatan
- Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. Portal Rasmi Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti <http://www.jpkk.edu.my/jpkk/>
- Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (2010). Pelan Pengukuhan Keusahawan Kolej Komuniti.
- Jasmi Talib (2013) Kajian keberkesanan Modul Merancang Kerjaya terhadap pelajar Kolej Komuniti KPTM. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2010). Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi.

- Kolvereid, L. (1996). Prediction of Entrepreneurial Employment Status: Choice intentions. *Journals of Entrepreneurship theory and Practice* 21(1): 47-
- Krueger, N. (1993). The Impact of Prior Entrepreneurial Exposure on Perceptions of New Venture Feasibility and Desirability. *Entrepreneurship: Theory & Practice, Vol. 18(1):* 5-21.
- Krueger, N.F.Jr., Reilly, M.D. & Carsrud, A.L. (2000). Competing Models of Entrepreneurial Intentions. *Journal of Business Venturing* 15(5/6): 411-432.
- Laporan Aktiviti PUSKOM (2014). Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Norasmah Othman, O. Nor Hafiza, P.B Tin (2012) Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti, *Jilid 1, 435 - 445*
- Noorkartina, M., Lim, H.-E., Norhafazah, Y., & Soon, J.-J. (2015). Estimating the Effect of Entrepreneur Education on Graduates' Intention to Be Entrepreneurs. *Education + Training, 57(8/9)*, 874–890. <http://doi.org/10.1108/ET-03-2014-0030>
- Norita, D., Armanurah, M., Habshah, B., Norashidah, H., & Yeng Keat, O. (2010). *Keusahawanan teori dan praktis* (2nd ed.). Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Perangkaan Utama Tenaga Buruh, Malaysia, (2016). *Siri 82, Bil 0.5/2016 Mei 2016*. <http://www.statistics.gov.my>
- Ravi A/L Nagarathanam. (2015). Hubungan Sikap, Pemikiran Dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/283009026>
- Rosli, K. (2013). Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Guru-Guru Koperasi Sekolah Menengah Di Daerah Klang. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sanyal, C. (2017). 9 The Effective Mentor, Mentee and Mentoring Relationship. *The SAGE Handbook of Mentoring*
- Tkashev, A. & Kolvereid, I. (1999). Self Employment Intention Among Students. *Entrepreneurship and Regional Development, 11(3):269-280*.
- Wan Nur Halimatul Syadiah Wan Yusof & Fakhrul Anwar Zainol (2015). Efikasi Kendiri Dari Perspektif Teori Sosial Kognitif Dan Pendekatan Akhlak Dalam Pembangunan Keusahawanan. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Zairon Mustapha, Abdul Halim Ahmad, Phd., Intan Yusrina Zairon, Che Ghani bin Che Kob, Phd. (2017). Peranan Kolej Komuniti Sebagai Pembimbing Dalam Memantapkan Niat Keusahawanan Pelajar. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/PMJSSH>